



BAB TIGA

BAB TIGA : PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN ZAKAT FITRAH

DI BAITULMAL NEGERI SEMBILAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan sejarah penubuhan, peranan, carta organisasi dan bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Sembilan sebagai badan penaung kepada Baitulmal Negeri Sembilan. Kemudian ianya dilanjutkan kepada peranan, bidang kuasa, struktur organisasi serta fungsi-fungsi yang dimainkan oleh setiap bahagian di Baitulmal sebagai badan pelaksana kutipan dan agihan zakat fitrah dilaksanakan. Turut disertakan adalah objektif, aktiviti dan beberapa strategi yang telah digunakan termasuklah pelaburan untuk memastikan perjalanan urusan pungutan dan agihan dapat dilaksanakan.

3.2 Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

Dalam tahun 1948, apabila negeri-negeri Melayu di Semenanjung disatukan menjadi Persekutuan Tanah Melayu, maka Negeri Sembilan telah membuat satu perlombagaan berdasarkan Perjanjian 1889 mengenai kuasa Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan, Dato' Undang Luak Yang Empat serta Tuanku Besar Tampin.¹

Mengikut perlombagaan baru ini, sebuah Dewan Undangan yang dinamakan Majlis Mesyuarat Kerajaan telah dibentuk selepas merdeka², majlis mesyuarat ini dikenali sebagai Dewan Keadilan.

Dewan Keadilan ini berperanan sebagai tempat rujukan atau tonggak tertinggi kedaulatan takhta kerajaan Negeri Sembilan yang bertanggungjawab untuk menentukan pentadbiran adat dan Agama Islam. Dewan Keadilan ini dipengerusikan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Anggota-anggotanya terdiri daripada Dato' Undang Luak Yang Empat, Tuanku Besar Tampin, Tuanku Besar Sri Menanti, Dato' Syahbandar Sungai Ujong, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Penasihat Undang-Undang Negeri. Memandangkan pentadbiran agama agak tidak selaras, maka terdapat usaha-usaha untuk menujuhkan satu badan yang khusus menjalankan pentadbiran Agama Islam di Negeri Sembilan. Seorang ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan, YM Tengku Nordin telah membuat kertas kerja untuk menujuhkan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

Mesyuarat Undangan Negeri yang bersidang pada tahun 1949 telah bersetuju menujuhkan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan yang diwujudkan secara rasmi pada tahun 1950. Allahyarham Tuan Sheikh Haji Ahmad bin Haji Mohd Said (Mufti pertama kerajaan Negeri Sembilan) dilantik menjadi Pengerusi yang pertama Jabatan Agama Islam yang pada ketika itu dikenali sebagai Pejabat Agama Islam Negeri Sembilan.³

Bagaimanapun, hari ini Majlis Agama Islam Negeri Sembilan adalah tertakluk kepada undang-undang Pentadbiran Hukum *Syariah* Tahun 1991. MAINS bertanggungjawab untuk menjaga dan mengawasi perkara-perkara yang ada hubungan dengan Agama Islam bagi memelihara kesucian agama dan memberi perkhidmatan kepada seluruh umat Islam Negeri Sembilan.

Aspek yang dipertanggungjawabkan kepada Majlis meliputi bahagian rohaniah dan jasmaniah, kebajikan dan pendidikan di mana semuanya dilaksanakan sejak awal penubuhannya lagi dengan cara berperingkat-peringkat. Untuk membiayai kegiatan tersebut, Majlis telah menjalankan pungutan zakat dan menguruskan harta Baitulmal umat Islam di negeri ini dan ianya menjadi sumber kewangan yang utama kepada Majlis hingga kini.

3.2.1 Penubuhan dan Memperbadankan MAINS menurut enakmen

Menurut enakmen, telah dinyatakan di dalam seksyen 4 (1) iaitu “hendaklah ditubuhkan suatu badan yang hendaklah menjadi suatu perbadanan bernama ‘Majlis Agama Islam Negeri Sembilan’ dan yang kekal turun-temurun dan boleh mendakwa dan didakwa atas namanya yang tersebut itu dan tertakluk kepada dan bagi maksud enakmen ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindah hak, menyerah hak semula, memindah milik atau dengan secara lain melupuskan atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih dan harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Majlis mengikut apa-apa syarat yang Majlis fikirkan patut.”⁴

Ini dapat diuraikan bahawa undang-undang ini dinyatakan tentang bidang kuasa majlis dalam hal-hal yang berkaitan dengan harta. Antaranya majlis boleh membuat perjanjian dan boleh memperolehi, membeli,

mengambil, memegang dan mengambil faedah akan sesuatu harta yang boleh dialih dan yang tidak boleh dialih dan tertakluk kepada sesuatu undang-undang yang bertulis mengenai yang tersebut, boleh menukar, memberi, menyerah, melepas, menggadai, mencagar, mewasiat, memberi, menyerah semula, memindah atau dengan jalan yang lain iaitu memisah dan menyelenggarakan sesuatu harta yang boleh dialih atau tidak boleh dialih terserah kepada Majlis dengan menurut syarat-syarat sebagaimana Majlis merasakan patut dan mengikut hukum *syara*^c.

Apabila sahaja mula berkuatkuasa bahagian ini iaitu “Majlis Agama Islam Negeri Sembilan” yang wujud dengan kuasa seksyen 4 Undang-undang Pentadbiran Hukum *Syara*^c 1960 hendaklah disifatkan sebagai badan yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).⁵

Undang-undang seterusnya menyebutkan bahawa segala hak, kuasa, kewajipan dan tanggungan yang ada diberikan atau ditanggungkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan sebelum berjalan kuatkuasa undang-undang ini hendaklah diserahkan atau ditanggungkan kepada Majlis ini apabila penguatkuasaan undang-undang ini dikecualikan mana-mana yang harus berlawanan dengan maksud undang-undang ini.⁶

3.2.2 Bidang kuasa Majlis

Sebagai sebuah badan yang beroperasi, Majlis mempunyai kuasa-kuasa tertentu seperti mana yang termaktub dalam Enakmen Undang-

Undang Hukum *Syara^c* Tahun 1991. Selain menolong dan menasihati Paduka Seri Tuanku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus selaku Ketua Agama Islam dalam semua perkara yang berkaitan dengan agama Islam di negeri ini. Majlis juga merupakan badan induk agama Islam yang tertinggi yang bertujuan mengawal hal ehwal agama Islam di negeri ini.

Antara bidang kuasa Majlis menurut sebagaimana yang tercatat dalam enakmen tersebut ialah :⁷

1. Sebagai penguasa wasiat, pentadbir pusaka orang Islam di negeri ini dan juga sebagai pemegang amanah.
2. Menjalankan urusan kontrak ke atas harta boleh alih dan tak alih menurut syarat-syarat tertentu mengenainya mengikut hukum *syara^c*.
3. Hal mengenai fatwa Negeri Sembilan
4. Urusan Baitulmal, zakat dan khairat
5. Urusan wakaf, wasiat dan nazar
6. Sebagai pemegang amanah bagi semua masjid dan hartanya yang tak alih termasuk urusan perlantikan pegawai masjid.
7. Urusan berhubung dengan saudara baru
8. Urusan tauliah mengajar agama
9. Urusan perbelanjaan wang zakat mengikut *asnāf*


3.2.3 Objektif Majlis

MAINS mempunyai objektif keagamaan yang menyeluruh , terutamanya objektif-objektif yang dapat membantu ke arah:⁸

1. Menyampaikan dakwah Islamiah dengan cara menyeluruh dan berkesan.
2. Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dianamis dan progresif yang sentiasa mencari keredaan Allah.
3. Memupuk keimanan dan mengukuhkan *ukhuwwah Islamiyyah* di kalangan orang-orang Islam di Negeri Sembilan khasnya dan di Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah.
4. Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam.
5. Melaksanakan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran dalam masyarakat Islam.

3.2.4 Struktur Organisasi Pentadbiran Majlis

Carta 1



Sumber : Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

3.2.5 Keahlian Majlis

Majlis ditadbirkan oleh jawatankuasa yang dikenali dengan Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam Negeri Sembilan yang dilantik oleh Paduka Seri Tuanku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan atas nasihat Menteri Besar bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun. Ahli Jawatankuasa Majlis Agama Islam Negeri Sembilan mengandungi ahli-ahli seperti berikut :⁹

- (a) Pengerusi
- (b) Timbalan Pengerusi
- (c) Penasihat Undang-Undang Negeri
- (d) Pegawai Kewangan Negeri
- (e) Ketua Polis Negeri
- (f) 5 orang ‘Ulamā’
- (g) 5 orang ahli lain

Pengerusi, Timbalan Pengerusi, dan ahli-ahli yang dilantik di bawah perenggan (g) dan (h) subseksyen (1) hendaklah seorang Islam dan hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Besar atas nasihat Menteri Besar bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun. Seorang ahli yang tempoh jawatannya telah tamat boleh dilantik semula. Jika pada masa orang yang memegang jawatan yang disebut dalam perenggan (d), (e) dan (f) adalah seorang bukan Islam, Yang di-Pertuan Besar atas nasihat Menteri Besar hendaklah melantik seorang Islam lain menggantikan orang tersebut.¹⁰

Orang-orang yang sebaik sahaja sebelum berkuatkuasanya seksyen ini adalah Pengerusi dan ahli-ahli yang dilantik oleh Majlis hendaklah tertakluk kepada enakmen ini, terus menjadi Pengerusi dan ahli-ahli Majlis yang lain sehingga tamat tempoh perlantikannya.¹¹

Selain itu, Majlis boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa bagi membantunya menjalankan tugas atau melaksanakan kuasanya. Sebaliknya perlantikan ahli-ahli Majlis yang dilantik di bawah perenggan (a), (b), dan (h) subseksyen (1) seksyen 5 hendaklah tamat:¹²

- (a) atas kematianya; atau
- (b) jika dia, dengan surat yang dialamatkan kepada Yang di-Pertuan Besar melalui Pengerusi, meletakkan jawatannya; atau
- (c) jika dia tidak berada di Malaysia, tanpa kebenaran bertulis dari Pengerusi, bagi tempoh melebihi tiga bulan.

Seterusnya Yang di-Pertuan Besar atas nasihat Menteri Besar, boleh membatalkan perlantikan mana-mana ahli Majlis yang dilantik:¹³

1. jika kelakuannya sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai ahli atau sebaliknya telah memburukan nama Majlis; atau
2. jika atas sebab dia telah menjadi tidak berkeupayan menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai ahli; atau
3. jika dia, tanpa sebarang alasan yang pada fikiran Pengerusi adalah mencukupi, telah tidak hadir selama tiga kali berturut-turut mesyuarat Majlis.

Jika sekiranya atas sebab ketiadaan sementara ataupun atas sebab keuzuran mana-mana ahli Majlis, Yang di-Pertuan Besar, atas nasihat Menteri Besar, boleh melantik seseorang yang difikirkan layak bagi menggantikannya untuk sementara waktu.¹⁴ Perlantikan di bawah subseksyen (1) hedaklah tamat 7 hari selepas ahli sebenar memberi notis bertulis kepada Pengerusi tentang keupayaannya untuk kembali bertugas.¹⁵ Satu salinan notis di bawah subseksyen (2) hendaklah diserahkan juga kepada ahli sementara.¹⁶

Sementara itu, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan hendaklah menjadi Setiausaha Majlis yang bertindak sebagai Ketua Pentadbir Majlis dan hendaklah bertangungjawab menjalankan dasar dan keputusan Majlis. Setiausaha adalah berhak menghadiri semua mesyuarat Majlis dan mengambil bahagian dalam perjalananya tetapi hendaklah tidak ada hak mengundi.¹⁷


3.3 Penubuhan Baitulmal menurut enakmen

Satu Kumpulan Wang yang akan dinamakan Baitulmal hendaklah ditubuhkan. Melainkan sebagaimana yang disyaratkan sebaliknya menurut peruntukan enakmen ini, Baitulmal hendaklah mengandungi semua wang dan harta alih dan tak alih, yang mengikut hukum *syara'* atau menurut peruntukan-peruntukan enakmen ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya yang terakru atau didermakan oleh seseorang atau kena bayar kepada Kumpulan Wang itu.¹⁸

Semua zakat dan fitrah yang dipungut mengikut Bahagian ini hendaklah dibayar ke dalam satu akaun yang berasingan dalam Baitulmal. Semua wang dan harta dalam Baitulmal hendaklah terletak hak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Enakmen ini, dengan syarat bahawa mana-mana pelaburan aset dan kumpulan wang yang dilabur pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil-hasil daripadanya boleh dilaburkan dari masa ke semasa dalam mana-mana pelaburan yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa ini berkuatkuasa bagi pelaburan kumpulan-kumpulan wang amanah.¹⁹ Walau bagaimanapun, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan enakmen ini, Yang di-Pertuan Besar, boleh membuat kaedah-kaedah bagi pemungutan, pentadbiran dan pembahagian semua harta Baitulmal.²⁰

3.4 Struktur organisasi Baitulmal dan fungsinya

Carta 2



Sumber : Baitulmal, MAINS

Berdasarkan carta 2 di atas, struktur organisasi pentadbiran Baitulmal telah dibahagikan kepada tiga bahagian yang diketuai oleh seorang pegawai tadbir iaitu:

1. Bahagian Pentadbiran Kewangan
2. Bahagian Zakat
3. Bahagian Pembangunan dan Pelaburan

3.4.1 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Carta 3 di atas menggambarkan kepada kita bahawa, terdapat empat unit dalam bahagian pentadbiran dan kewangan yang mana setiap satunya dikawal secara langsung oleh pegawai tadbir dan dibantu oleh penolong akauntan 2. Empat unit tersebut ialah:²¹

1. Unit Pentadbiran Am
2. Unit Hasil
3. Unit Kewangan
4. Unit Akaun

3.4.1.1 Pentadbiran Am

Pentadbiran am merupakan unit yang bertindak dalam hal-hal pengurusan yang berlaku di pejabat. Antara tugas-tugas unit di dalam bahagian ini ialah:

- i) Menjaga keselamatan fail-fail Majlis
- ii) Majlis kebersihan dan keselamatan pejabat
- iii) Mengawal kad perakam waktu
- iv) Mengurus bilik mesyuarat dan lain-lain urusan berkenaan tempahan oleh Jabatan lain
- v) Urusan surat-menyurat dan perkara berkaitan

- vi) Urusetia mesyuarat-mesyuarat majlis seperti mesyuarat kakitangan dan mesyuarat Majlis

3.4.1.2 Perkhidmatan

Unit ini pula lebih menekankan kepada hal-hal yang bersangkut-paut dengan kebijakan dan disiplin tugas kakitangannya.

Antara tugas-tugas di dalam unit perkhidmatan ialah :

- Mengurus buku rekod perkhidmatan kakitangan dan mengemaskini dari masa ke semasa
- Mengurus kerja-kerja pengisian jawatan dan perlantikan
- Membuat urusan pengesahan jawatan kakitangan
- Membuat urusan bagi pegawai/kakitangan yang akan bersara
- Mengurus perkara berkaitan dengan penanggungan kerja apabila berlakunya kekosongan jawatan
- Membuat urusan bagi kenaikan pangkat dan gaji
- Mengurus dan merekod cuti kakitangan


3.4.1.3 Kewangan dan Akaun

Unit ini pula merupakan unit yang paling penting di dalam bahagian ini. Ia merupakan nadi kepada kelancaran aliran kewangan dalam sistem pungutan dan pengagihan. Antara tugas-tugas unit ini ialah:

- Membuat anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan
- Menyedia penyata kira-kira tahunan dan bulanan
- Membuat urusan bayaran berkaitan
- Membayar gaji kakitangan
- Mengutip hasil bagi bayaran seperti sewa rumah, bangunan, bayaran faraid dan lain-lain
- Menyimpan resit, cek dan *petty cash* di tempat yang selamat
- Membuat pembelian alat tulis dan perkakas pejabat

3.4.1.4 Struktur Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Carta 3



Sumber : Baitulmal Negeri Sembilan.

3.4.2 Bahagian zakat

Bahagian zakat adalah satu bahagian yang terdapat di Baitulmal di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan yang diketuai pengaruhnya iaitu Dato' Haji Mohamed bin Haji Hussein yang juga merangkap Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Pada masa ini bila disebutkan masalah bantuan dan kebajikan kepada fakir miskin, maka secara langsung masyarakat menggambarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai tempat untuk mereka mengadu.²²

Pandangan awal mereka tidak tergambar mengenai peranan Jabatan Agama untuk menyelesaikan masalah mereka menerusi Bahagian Zakat Baitulmal. Apa yang kita nampak hari ini, tugas bahagian zakat semakin terhakis dan dipandang seolah-olah tidak penting kerana tugas tersebut telah diambil alih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Oleh itu, pembinaan semula imej Bahagian Zakat Baitulmal dengan sewajarnya perlu dilakukan agar masyarakat lebih yakin dan percaya Bahagian Zakat sebagai tempat yang sesuai untuk membela kebajikan umat Islam.

3.4.2.1 Struktur Organisasi Bahagian Zakat

Menyedari hakikat bahawa institusi zakat merupakan institusi kewangan umat Islam, maka struktur pentadbiran yang kemas perlu disusun. Ini adalah kerana kecekapan pentadbiran sesebuah organisasi banyak

bergantung kepada cara pengendalian organisasi tersebut dan kecekapan pegawai-pegawai yang ada.

Bahagian zakat mengandungi dua unit utama iaitu unit operasi, dalaman, taksiran dan pungutan dan satu lagi ialah unit agihan dan penyelidikan. Di samping dua unit tersebut, pada tahun ini unit komputer telah diwujudkan bagi memperkenalkan sistem pungutan dan pengagihan berkomputer. Dengan kewujudan sistem zakat yang moden, berkomputer dan seragam di semua peringkat akan mempercepatkan lagi pengagihan zakat kepada golongan sasaran. Adalah diharapkan dengan penubuhan unit ini akan melicinkan lagi perjalanan urusan-urusan yang berkaitan zakat.²³


i) Unit Kutipan (Operasi , Dalaman dan Taksiran)

Antara tugas-tugas di bawah unit ialah :

1. Bertanggungjawab menguruskan, menyelia dan memastikan perlaksanaan program aktiviti taksiran dan pungutan zakat berjalan seperti mana yang dirancangkan dan menyelesaikan masalah yang timbul dalam sub-unit dengan pengawasan Pegawai Zakat Negeri.
2. Memastikan semua zakat dapat dipungut dari kalangan umat Islam, mendapatkan makluman mengenai prospek pembayaran zakat dengan kerjasama institusi awam, swasta dan perseorangan.
3. Menjalankan analisa dari semasa ke semasa keberkesanan program aktiviti pungutan dan taksiran yang dilaksanakan.
4. Menaksir zakat koperasi dan perniagaan dan menyelenggara segala urusan yang berkaitan.

Carta 4

Bahagian Zakat



Sumber: Baitulmal Negeri Sembilan.

ii) Unit Agihan dan penyelidikan Zakat

Antara tugas-tugasnya ialah :

1. Merancang dan menyusun program dan skim bantuan kepada *asnāf*-*asnāf* yang layak sama ada untuk jangka pendek atau panjang.
2. Mewujudkan sistem agihan yang lebih sistematik dan teratur di samping memastikan perlaksanaan aktiviti berjalan.
3. Mengedar, menerima dan memproses semua bentuk permohonan bantuan seperti bantuan makanan tahunan, bantuan bencana alam dan lain-lain.
4. Memastikan segala kira-kira agihan zakat bertepatan dan lengkap sebelum disemak oleh pihak audit

3.4.2.1 Strategi yang digunakan dalam urusan pungutan dan pengagihan

Bagi mencapai fungsi tersebut di atas, beberapa strategi bertindak telah diatur seperti berikut :

1. Mengenalpasti orang-orang Islam yang layak membayar zakat dan menyelenggarakan urusan pungutannya.
2. Membuat penilaian ke atas harta yang wajib dibayar oleh seseorang Islam.
3. Mengenalpasti orang-orang Islam yang layak menerima zakat dan menyelenggarakan urusan pengagihannya berdasarkan kaedah-kaedah syariah.

4. Mempertingkatkan usaha-usaha memberi penerangan kepada masyarakat Islam mengenai kewajipan membayar zakat, jenis harta yang dikenakan zakat dan cara membayar zakat.

3.4.2.2 Perjawatan

Pada masa ini Bahagian Zakat mempunyai 14 orang kakitangan termasuk seorang pegawai yang bertindak sebagai pemantau dan pengendali terhadap semua aktiviti dan program yang berkaitan dengan agihan dan pungutan di setiap daerah. (Lihat jadual 1)

Jadual 1

Perjawatan Bahagian Zakat

JAWATAN	SKIM	KOD	JUMLAH JAWATAN	STATUS
PEGAWAI ZAKAT	Pegawai Hal Ehwal Islam	S 03	1	Kontrak
PENYELIA ZAKAT NEGERI	Pembantu Hal Ehwal Islam	S 07	2	Tetap
PENYELIA ZAKAT DAERAH	Pembantu Hal Ehwal	S 07	7	Tetap
PEMBANTU PENYELIA ZAKAT/FITRAH	Pembantu Tadbir Rendah	N 11	3	Kontrak
JURUTAIP	Jurutaip	N 11	1	Tetap
JUMLAH			14	

Sumber : Bahagian Zakat , Baitulmal Negeri Sembilan

3.4.3 Bahagian Pembangunan Dan Pelaburan

Antara fungsi di bahagian ini ialah :

1. Bertanggungjawab untuk merancang dan menguruskan harta Baitulmal dari pelbagai sumber hasil Baitulmal.
2. Bertanggungjawab mengurus dan mengendalikan projek pembangunan Majlis yang dibuat secara usahasama dan penswastaan.
3. Bertanggungjawab untuk mengkaji merancang dan mengurus semua saham yang dibuat oleh Majlis.
4. Bertanggungjawab mengendali dan menyelenggara harta Majlis seperti bangunan, rumah sewa dan rumah kedai.
5. Bertanggungjawab di atas semua hasil kutipan sewa, pajakan dan lain-lain projek.
6. Bertanggungjawab menyelesaikan hal ehwal berkaitan tindakan undang-undang yang diambil kepada penyewa, pemajak dan rakan kongsi yang gagal mematuhi perjanjian.
7. Bertanggungjawab menyedia dan mengkaji kertas-kertas kerja mengenai pelaburan modal dan projek usahasama untuk mesyuarat Majlis.
8. Menjadi urusetia kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

9. Mengurus dan mengendalikan surat-surat perjanjian berhubung dengan bangunan, rumah sewa dan tanah yang mana Majlis ada kepentingan.

3.4.3.1 Projek Pembangunan Masa Kini

Projek-projek pembangunan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan yang telah dan sedang berjalan masa ini ialah :²⁴

i. Projek Perumahan Taman Desa Ixora

Projek perumahan ini telah dimulakan pada tahun 1992 secara usahasama antara MAINS dengan Syarikat Pembinaan Dan Perumahan Tabung Haji anak syarikat kepada Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) di atas tanah MAINS seluas 20 ekar di Senawang, Seremban

Projek perumahan ini dinamakan “TAMAN DESA IXORA” yang mengandungi :

- | | |
|---|------------|
| i. Rumah berkembar kos sederhana rendah | - 14 unit |
| ii. Rumah berkembar kos rendah | - 184 unit |
| iii. Rumah teres kos rendah | - 16 unit |
| iv. Rumah Banglo | - 20 unit |

Projek perumahan ini telah siap sepenuhnya dan telah diserahkan kepada pembeli-pembeli pada 24hb. Oktober, 1995 yang lalu di mana kesemua pembeli rumah ini terdiri daripada orang-orang Islam.

ii. Pembelian Bangunan Perniagaan Wisma Arab Malaysian

MAINS telah membeli satu blok bangunan 4 tingkat (blok 1) Wisma Arab Malaysia daripada Syarikat Medan Delima Sdn. Bhd. (anak syarikat milik penuh Arab Malaysian Development Berhad) dengan harga RM1,997,880 pada tahun 1995. Bangunan ini akan disewakan kepada agensi-agensi swasta yang berminat. Pendapatan sewa daripada keseluruhan bangunan ini dianggarkan berjumlah RM29,000 sebulan.

iii. Pembelian Lot Perniagaan Tingkat Bawah, Plaza Membeli Belah, Terminal One Seremban.

MAINS telah membeli lot 3, 5, 7 dan 9 tingkat bawah Plaza membeli belah, Terminal One Seremban yang terletak berhampiran dengan perhentian bas Seremban. Lot perniagaan ini yang luasnya lebih kurang 17,100 kaki persegi dibeli dengan harga RM4,495.000.00 daripada Syarikat Panji Timor Sdn. Bhd.

Lot ini akan dipajakkan semula kepada Syarikat Panji Timor Sdn. Bhd. pada kadar RM 2.50 satu persegi selama 15 tahun atau pada kadar RM42,750.00 sebulan.

Selepas sepuluh tahun kadar bayaran pajakan bagi tempoh lima tahun berikutnya akan dikaji semula bergantung kepada harga pasaran tetapi mestilah melebihi kadar RM 2.50 satu kaki persegi.

iv. Projek Hospital Pakar

Projek ini yang terletak di atas tanah milik MAINS seluas 1,456 hektar di bandar Seremban. Projek ini dijalankan secara usahasama dengan Kumpulan Perubatan Johor Sdn. Bhd. (KPJSB) anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Johor.

Modal yang dibenarkan bagi mendirikan "Hospital Pakar Seremban" ini lebih kurang RM 20.5 juta. MAINS memegang 45 peratus ekuti dalam hospital ini manakala KPJSB memegang 55 peratus ekuti dalam hospital

v. Projek Kuari

Majlis Agama Islam juga mempunyai dua kawasan kuari yang terletak di Labu, Seremban. Luas kawasan setiap satunya ialah seluas

39 ekar yang dipajakkan kepada Syarikat Intrique Heights Sdn. Bhd. sebanyak RM15,000 sebulan manakala seluas 60 ekar dipajakkan Jaska Quarry Sdn. Bhd. dengan pendapatan juga sebanyak RM15,000 sebulan. Pajakan ini memberi hasil bulanan kepada Majlis sebanyak RM30,000.00 sebulan.

vi. Projek Ladang Kelapa Sawit

Projek ini dijalankan secara usahasama dengan Ladang Tabung Haji Holdings Sdn. Bhd. (LTHH) anak syarikat Lembaga Urusan Tabung Haji. Majlis dengan LTHH telah menubuhkan satu syarikat iaitu Ladang Bangka Ulu Sdn. Bhd. bagi menjalankan projek penanaman kelapa sawit di atas tanah seluas lebih kurang 5,000 ekar di Gemas, Negeri Sembilan.

Majlis memegang 49 peratus ekuiti dalam syarikat ini dan LUTH memegang 51 peratus ekuiti dalam syarikat ini. Pemilikan ekuiti Majlis pada masa ini di syarikat adalah lebih kurang tujuh juta unit saham.

3.4.3.2 Perjawatan

Bahagian Pembangunan dan Pelaburan mempunyai hanya dua orang kakitangan bagi menjalankan fungsi-fungsinya iaitu seorang Penolong

Akauntan dan seorang lagi Pembantu Tadbir sebagai sokongan tugas kepada Penolong Akauntan.

Kalau dilihat dengan pelaburan dan projek yang dijalankan, sememangnya tidak mencukupi untuk dua orang kakitangan ini bertugas memandangkan wang zakat hendaklah dilaburkan secara efisyen. Ini amat penting kerana sebarang kerugian terhadap projek yang dijalankan akan memberi impak yang negatif terhadap sebahagian besar wang zakat yang telah digunakan.

3.5 Kesimpulan

Penulis mendapat Baitulmal seharusnya menjadi satu badan organisasi yang jelas dari segi struktur dan fungsinya supaya keupayaan urusan dan tadbiran akan bertambah telus dan mampan. Walau bagaimanapun, aspek tersebut sudah pun tersedia ada di dalam carta organisasi dan tugas yang diamanahkan kepada Baitulmal sebagai badan penggerak dana zakat khususnya fitrah di Negeri Sembilan. Apa yang perlu dipastikan lagi adalah komitmen yang bersepadau di antara semua bahagian sama ada di bahagian zakat, pentadbiran mahu pun pelaburan supaya dana zakat dapat dikembangkan dan disampaikan kepada *asnāf* yang berkeutamaan

NOTA HUJUNG

-
- ¹ Sejarah Ringkas Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, t.t, MAINS, hal: 2
- ² Ibid.
- ³ Ibid, hal: 3
- ⁴ Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991, seksyen 4, subseksyen (1), **Warta Kerajaan**, Kerajaan Negeri Sembilan, Jun 1991, hal: 9
- ⁵ Ibid, seksyen 4 subseksyen (2) perenggan (a)
- ⁶ Ibid, seksyen 4 subseksyen (2) perenggan (b)
- ⁷ Laporan Baitulmal MAINS 1999, hal: 9
- ⁸ Ibid, hal: 4
- ⁹ Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991, seksyen 5, subseksyen (1), *op.cit.*, hal: 10
- ¹⁰ Ibid, subseksyen (2), (3) dan (4)
- ¹¹ Ibid, subseksyen (5)
- ¹² Ibid, seksyen 6 dan 7
- ¹³ Ibid, seksyen 8
- ¹⁴ Ibid, seksyen 9, subseksyen (1)
- ¹⁵ Ibid, seksyen 9, subseksyen (2)
- ¹⁶ Ibid, seksyen 9, subseksyen (3)
- ¹⁷ Ibid, seksyen 11, subseksyen (1), (2) dan (3)
- ¹⁸ Ibid, seksyen 55, subseksyen (1)
- ¹⁹ Ibid, seksyen 55, subseksyen (2), dan (3)
- ²⁰ Ibid, seksyen 55, Subseksyen (4)
- ²¹ Ibid, hal: 8
- ²² Temubual penulis dengan Ustaz Mizhar bin Mazlan, Pegawai Zakat Negeri Sembilan, 17 Disember 1999.
- ²³ Laporan Baitulmal, *op.cit.*, hal: 17
- ²⁴ Ibid, hal: 20